

**KENYATAAN AKHBAR**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**



**STATUS KUALITI UDARA PADA 21 MAC 2015 (SABTU)**

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 1.00 petang menunjukkan 14 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 34 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Satu (1) kawasan mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu di stesen Institut Latihan Perindustrian (ILP), Miri, Sarawak (IPU 140).** Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my>

**Keadaan sedikit berjerebu semasa musim panas dan kering adalah disebabkan keadaan atmosfera tempatan yg stabil dan cuaca panas telah menyebabkan habuk halus dan sebatian organik meruap akibat pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan industri terperangkap di ruang udara. Dalam pada itu, kemerosotan kualiti udara yang dicatatkan di stesen Institut Latihan Perindustrian (ILP), Miri, Sarawak adalah disebabkan oleh kebakaran belukar seluas 50 ekar yang terletak berhampiran. Walau bagaimanapun, kebakaran di kawasan berkenaan adalah setempat dan terkawal. Tindakan pemadaman kini sedang giat dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, termasuk tindakan kawalan bagi menghalang kemerebakan kebakaran oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), pasukan bomba dari Pelabuhan Miri, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan pihak swasta.**

Selain kebakaran belukar di Miri, Sarawak, kebakaran hutan juga dikesan berlaku di Kompartmen 55 dan 56, Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor, Selangor dengan keluasan kawasan yang terbakar adalah dianggarkan lebih kurang 180 hektar. Usaha-usaha pemadaman kebakaran sedang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Keadaan sedikit berjerebu yang dialami negara bukan disebabkan oleh pencemaran jerebu rentas sempadan dari Sumatra, Indonesia kerana pergerakan angin masih dari arah timur laut dan tidak menghala ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

### **MAKLUMAT CUACA DAN TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Negara pada masa ini sedang berada pada penghujung Monsun Timur Laut dan dijangka berakhir pada penghujung bulan Mac 2015. Oleh yang demikian, kebanyakan kawasan terutamanya di Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang menyebabkan berlakunya cuaca panas dan kering. Menjelang penghujung bulan Mac 2015 cuaca panas dan kering ini dijangka akan berakhir berikutan bermulanya musim peralihan yang akan membawa lebih banyak hujan.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 20 Mac 2015, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 di dalam negara adalah sebanyak 46 titik panas (hotspot) iaitu di di negeri Johor (5), Kedah (4), Kelantan (7), Negeri Sembilan (1), Pahang (11), Terengganu (1), Perak (2), Pulau Pinang (1), Sarawak (8) dan Sabah (6). Kesemua titik panas (hotspot) yang dikesan dalam negara akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

### **TINDAKAN -TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) BAGI MENANGANI CUACA PANAS DAN KERING**

1. Mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka di seluruh negara mulai 16 Februari 2015. Ia meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi

tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mudah terbakar;

2. Mengambil tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran terbuka di kawasan tapak binaan, industri dan ladang manakala bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil tindakan kompaun akan dikenakan;
3. Mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi dan memastikan tapak-tapak pelupusan tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu;
4. Mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka;
5. Melibatkan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai;
6. Memantau rapi kawasan-kawasan tanah gambut yang sering terbakar melalui pengaktifan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar di mana pemeriksaan di lapangan dijalankan setiap hari bagi mengawasi paras air dalam saluran gambut (check dam) agar tidak menyusut dan pengepaman air dari telaga air tanah bagi melembabkan lapisan tanah gambut agar tidak menjadi kering dan mudah terbakar;
7. Pengeluaran Perintah Larangan Pembakaran Terbuka bagi seluruh negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya semenjak bulan Mac 2014. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, grill/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring). Perintah Larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuatkuasa;
8. Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering dipertingkatkan semenjak bulan Februari 2015 ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri; dan

9. Pemantauan melalui udara (aerial surveillance) dilaksanakan bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar dan kawasan pedalaman yang berisiko tinggi berlaku kebakaran.

## **PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA**

Berdasarkan hasil siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 20 Mac 2015, sebanyak 665 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (191 kes), kawasan pertanian (266 kes), kawasan industri (8 kes), kawasan pembinaan (8 kes), tapak pelupusan sampah (7 kes), kawasan belukar (166 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (19 kes). Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak 53 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 16 kes telah dikeluarkan Notis Amaran. Selain itu, sebanyak 1 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

Dalam situasi jerebu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terus diambil sehingga boleh membawa kepada tindakan penangkapan ke atas mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk membantu penyiasatan. Berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan) 2012 mulai 2 Januari 2013 yang memberi **kuasa menangkap penjenayah alam sekitar yang disyaki tanpa waran** di bawah peruntukan Seksyen 137 C, seramai 194 orang pegawai JAS telah diberikan surat kuasa khas dan latihan serta dalam keadaan bersiap sedia bagi melaksanakan peruntukan ini terutama bagi kesalahan yang menjejaskan kepentingan dan kesihatan awam termasuklah melakukan pembakaran terbuka.

## **NASIHAT / MAKLUMAN**

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**21 Mac 2015**